



Headline: Penjawat awam rugi RM12,614 ditipu 'Sarjan Razlan' Language: Malay

Publication/Portal: Sinar Harian

Date: 1 May 2020

Section: Nasional

Page: 23

Penjawat awam rugi RM12,614 ditipu 'Sarjan Razlan'

KEPALA BATAS - Seorang penjawat awam rugi RM12,614 apabila diperdaya oleh sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai anggota polis di sini kelmarin.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd Noor berkata, wanita berusia 35 tahun itu menerima panggilan daripada seorang lelaki memperkenalkan diri sebagai Sarjan Razlan dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang yang mendakwa dia terlibat dengan kes penyeludupan dadah dan pengubahan wang haram.

"Individu yang menyamar anggota polis terbabit memaklumkan mangsa mempunyai waran tangkap dan meminta pengadu memindahkan wang milik pengadu ke akaun bank untuk disiasat oleh Jabatan Audit Negara.



NOORZAINY

"Mangsa diarah untuk melakukan perkara itu segera dan diugut akan ditangkap sekiranya tidak berbuat demikian," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Noorzainy berkata, mangsa mendakwa panggilan itu disambungkan kepada seorang pegawai polis berpangkat inspektor kononnya dari IPK Pulau Pinang dan dia kemu-

dian membuat dua pindahan berjumlah RM7,114 dan RM5,500 kepada dua akaun yang diberikan oleh ahli sindiket.

Katanya, mangsa hanya sedar ditipu selepas dia diminta untuk berjumpa dengan Sarjan Razlan di IPK Pulau Pinang.

"Apabila mangsa tiba di IPK Pulau Pinang, mangsa menceritakan hal yang berlaku dan pihak polis memberitahu mangsa ditipu dan diminta buat laporan," kata beliau.